

TEKS USUL
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018

USUL MEMPERKASA PROGRAM 1MALAYSIA FOR YOUTH (1M4U)
OLEH IRFAN BIN SHAHARUDDIN

Saya memohon Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbang keputusan meneruskan program 1Malaysia for Youth (1M4U) yang selama ini menjadi platform belia untuk menyertai serta menganjurkan program bersifat kemasyarakatan. Dalam belanjawan tahun 2019 yang diumumkan Menteri Kewangan, YB Lim Guan Eng, kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM 1 Billion kepada Kementerian Belia dan Sukan. Sebahagian daripada dana ini wajar disalurkan kepada skim Dana Sukarelawan 1Malaysia (Dre1M) untuk memudahkan belia mendapatkan tajaan dalam mengendalikan program di peringkat tempatan atau universiti awam.

Sebelum saya memperincikan mekanisme untuk memperkasa 1M4U, wajar sekiranya saya menerangkan serba sedikit berkenaan 1M4U. 1M4U ditubuhkan pada tahun 2013 yang bertujuan untuk menggembelng tenaga belia dalam satu program berpusat yang dikendalikan oleh kerajaan. Berteraskan empat inisiatif utama termasuklah inovasi kesenian, kesejahteraan komuniti, sukan, dan pembelajaran, 1M4U telah banyak mencapai kejayaan. Sebagai contoh, rangkaian program yang bertajuk ASEAN4U merupakan jaringan program perhubungan antara 70 delegasi negara berbeza di Asia Tenggara. Para peserta terlibat dalam kegiatan membuat bakul rotan untuk ibu bapa tunggal serta mengagihkan makanan kepada 500 golongan gelandangan di sekitar Kuala Lumpur. Pada tahun 2017, seramai 35 sukarelawan telah dihantar ke Chittagong, Bangladesh untuk misi kemanusiaan ke Rohingya dengan bantuan Angkatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Hal ini sememangnya telah banyak menaikkan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang mendidik belia untuk terlibat aktif dalam kegiatan kesukarelawanan dan kemasyarakatan.

Saya berpendapat bahawa kerangka 1M4U dapat dijadikan model untuk membentuk belia yang mempunyai semangat kesukarelawanan yang tinggi selain menyerlahkan bakat kepimpinan melalui aktiviti yang dianjurkan. Tanpa sumber kewangan yang

mencukupi, aktiviti yang dihasratkan mungkin tidak mencapai objektif yang disasarkan. Hal ini menimbulkan kesukaran terhadap penganjuran aktiviti yang mampu menghubungkan belia dan masyarakat dalam pelbagai acara. Saya menegaskan bahawa 1M4U juga memerlukan dana untuk menyelenggara kemudahan awam yang telah dibina. Penubuhan 1M4U Sentral di Puchong, Selangor sebagai pusat setempat belia telah dilengkapi dengan kompleks serba guna termasuklah hostel, ruang untuk seminar, tapak permainan bola takraw, bola jaring, futsal, dan badminton. Jika pusat setempat belia tidak diselenggara, ia menimbulkan kebimbangan terhadap jangka hayat fasiliti tersebut untuk terus digunakan pada masa akan datang. Melalui agihan dana kepada 1M4U, kerajaan boleh memperkasa peranannya bukan hanya sebagai badan sukarelawan, malah berfungsi untuk melatih belia dari segi pendidikan politik dan kenegaraan.

Saya mencadangkan supaya penubuhan 1M4U Sentral diadakan di Pulau Pinang sebagai sebuah hab pembangunan belia di wilayah utara. Keperluan terhadap penubuhan 1M4U Sentral dapat disokong melalui data yang dikeluarkan oleh Penang Institute pada tahun 2017 iaitu sebanyak 27.5 % belia tinggal di Pulau Pinang. Peratusan ini begitu signifikan serta perlu diberikan perhatian khusus untuk memastikan golongan ini tidak ketinggalan dalam arus pemodenan yang pesat di negeri ini. Melalui hab pembangunan belia ini, kerajaan negeri juga dapat menyelia program mereka sendiri mengikut acuan yang dipersetujui oleh pihak berkepentingan. Kerajaan negeri boleh mengadakan skim latihan berpusat seperti pembangunan perisian permainan video, kemahiran kepimpinan, kraftangan, dan sebagainya.

Sekian, saya mohon mencadang. Terima kasih.

Irfan Bin Shaharuddin

Ahli Sidang Muda 2018